



Operasi Banci Ekonomi 2011

<http://www.statistics.gov.my>



Banci ekonomi bentuk dasar ekonomi

MUKADIMAH

MENGAPA banci ekonomi dilakukan terhadap 943,000 syarikat meliputi pelbagai sektor di seluruh negara mulai Mei hingga Disember ini? Ramai di kalangan kita tidak menyedari betapa pentingnya bancian ekonomi dilakukan setiap lima tahun ke atas semua syarikat perniagaan di Malaysia selaras dengan syor United Nations Statistics Division. Antara matlamat bancian itu ialah bagi membolehkan kerajaan menentukan hala tuju, perkembangan dan kemajuan ekonomi negara untuk kesejahteraan rakyat menerusi penggubalan dasar-dasarnya. Hanya dengan terkumpulnya data-data dan perangkaan yang tepat daripada bancian ekonomi itu akan dapat membantu kerajaan membuat sesuatu polisi pembangunan negara dengan lebih berkesan.

Untuk mengetahui objektif dan matlamat bancian ekonomi itu secara mendalam, Ketua Perangkawan, Jabatan Perangkaan Malaysia, Dr. Abdul Rahman Hasan telah ditemui ramai wartawan Utusan Malaysia, NORILA DAUD untuk berkongsi maklumat dengan pembaca.

JABATAN Perangkaan Malaysia telah memulakan operasi Banci Ekonomi 2011 bagi tahun rujukan 2010 sejak Mei lalu hingga Disember ini bagi mengumpul data dan perangkaan daripada syarikat-syarikat yang terlibat dalam aktiviti pertanian, perhutanan dan perikanan, perlombongan serta pengkuarian, pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan.

Sebanyak 943,000 syarikat yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan badan-badan pendaftaran yang berkaitan terlibat dalam bancian tersebut dengan 73.1% di sektor perkhidmatan, pembinaan (12%); pembuatan (8.7%); pertanian (6%) sementara perlombongan dan pengkuarian (0.2%).

Ketua Perangkawan, Jabatan Perangkaan Malaysia, Dr. Abdul Rahman Hasan berkata, antara objektif banci ekonomi yang dilaksanakan setiap lima tahun itu ialah untuk menyediakan maklumat komprehensif mengenai pertumbuhan, struktur dan profil ekonomi negara.

Katanya, data-data yang diperoleh dari banci ekonomi itu akan dijadikan sebagai input untuk penggubalan Pelan Pembangunan Negara dan Polisi Ekonomi dan penyediaan seterusnya sebagai penanda aras terkini untuk Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan petunjuk ekonomi yang lain seperti Jadual Input - Output, Indeks Pengeluaran Perindustrian dan Indeks Harga Pengeluaran.

Kesemua faktor tersebut katanya, boleh membantu komuniti perniagaan untuk mengukur keberkesanannya dan meningkatkan peluang perniagaan mereka.

Banci ekonomi juga dapat menyediakan gambaran tepat mengenai struktur ekonomi Malaysia di peringkat daerah sehingga ke peringkat nasional di samping menyediakan angka rasmi semua unit perniagaan dan syarikat di seluruh Malaysia.

Selain Malaysia ujarnya, Jepun, Korea Selatan dan India juga menjalankan banci

Data kini dianggap sebagai barang awam (*public goods*) dan ia dibaritkan sebagai orang buta yang memerlukan tongkat untuk berjalan walaupun tanpanya mereka masih boleh berjalan tetapi tidak dapat mencari arah. Keadaan ini serupa dengan masyarakat yang tidak mempunyai data mengenai sektor-sektor yang menyumbang kepada ekonomi dan akibatnya negara yang terlibat tidak boleh mencapai kejayaan.

ekonomi mereka tahun ini dengan berpaduan kepada prosedur operasi yang standard (SOP) yang ditetapkan oleh United Nations Statistics Division. Bancian ini dilakukan bagi membolehkan negara-negara tersebut membuat perbandingan ekonomi masing-masing di peringkat antarabangsa.

"Data kini dianggap sebagai barang awam (*public goods*) dan ia dibaritkan sebagai orang buta yang memerlukan tongkat untuk berjalan walaupun tanpanya mereka masih boleh berjalan tetapi tidak dapat mencari arah. Keadaan ini serupa



DR. Abdul Rahman menunjukkan buku laporan rasmi kedudukan ekonomi negara mengikut sektor yang diterbitkan Jabatan Perangkaan Malaysia, di pejabatnya Putrajaya baru-baru ini.

dengan masyarakat yang tidak mempunyai data mengenai sektor-sektor yang menyumbang kepada ekonomi dan akibatnya negara berkenaan tidak boleh mencapai kejayaan.

"Tanpa data dan perangkaan, hala tuju ekonomi tidak boleh dirancang manakala syarikat-syarikat perniagaan pula tidak mampu membuat keputusan dengan tepat kerana tidak mengetahui peratusan pegangan dalam pasaran," jelasnya.

OLEH kerana data-data perlu diperoleh daripada pelbagai sektor ekonomi sebelum sesebuah kerajaan boleh merancang untuk masa depan negara terbabit, maka itu komuniti dunia hari ini mengklasifikasi data dan perangkaan sebagai barang awam.

Sehubungan itu, semua syarikat yang menerima borang-borang soal selidik dalam operasi banci ekonomi itu perlu memberi kerjasama dengan melengkapkan butiran yang diperlukan Jabatan Perangkaan Malaysia.

Soal selidik yang mengandungi lebih kurang 200 item itu mengandungi beberapa modul mengikut sektor. Antara soalan yang perlu dijawab syarikat terbabit termasuk profil industri, aset, pendapatan dan per-

olehan, sumber manusia serta butiran perbelanjaan modal.

Kesemua data tersebut diperlukan oleh kerajaan bagi mengumpul nilai pelaburan dalam negara dan seterusnya menilai simpanan modal yang akan menjadi petunjuk kepada pembangunan dan penjanaan ekonomi di masa hadapan.

Sebagai contoh kata Dr. Abdul Rahman, jika nilai aset yang dimiliki syarikat-syarikat tempatan tidak diketahui, kerajaan tidak boleh membuat jangkaan terhadap tahap perkembangan ekonomi negara. Maklumat dan data yang diperoleh daripada setiap syarikat adalah penting bagi menentukan kedudukan makro sesuatu sektor itu.

Produktiviti industri

"Kerajaan memerlukan data dan perangkaan lengkap sebelum meramalkan peratusan tahap ekonomi negara berkembang dalam tempoh tertentu seperti butiran yang terdapat dalam Bajet 2012 yang diumumkan Perdana Menteri merangkup Menteri Kewangan, Datuk Seri Najib Tun Razak baru-baru ini.

Menurutnya, perancangan untuk masa hadapan juga boleh dibuat oleh kerajaan apabila bancian itu memperoleh data dan perangkaan berhubung industri yang aktif, produktif dan yang mempunyai simpanan modal yang tinggi. Berdasarkan data-data tersebut, kerajaan boleh merumuskan tentang jumlah faktor produktiviti industri terbabit.

Berhubung kekhawatiran sesetengah syarikat terhadap butiran yang diberikan dalam borang kaji selidik mungkin dapat diakses syarikat-syarikat persaingan dalam industri yang sama, Dr. Abdul Rahman menegaskan, mengikut Akta Perangkaan 1965, Perkara 3 (3) - Mana-mana pegawai yang melanggar subseksyen (2) jika disabitkan boleh dipenjara bagi tempoh tidak melebihi dua tahun atau denda tidak melebihi RM5,000 atau kedua-duanya.

Mengikut subseksyen (2) tersebut di atas, tiada pegawai jabatan yang melibatkan diri dalam atau ada kaitan dengan pengumpulan, pentafsiran atau penyiaran perangkaan di bawah Akta ini boleh kecuali sebagaimana yang dikehendaki oleh kewajipannya menyampaikan apa-apa maklumat yang telah sampai ke dalam miliknya semasa dia melaksanakan kewajipannya yang tersebut sebagaimana sedemikian.

Dr. Abdul Rahman juga memberitahu, banci ekonomi ini dilaksanakan di bawah Akta Perangkaan 1965 (disemak 1989) yang menyatakan kandungan soal selidik adalah sulit dan tidak akan disebarluaskan kepada mana-mana pihak dan hanya data agregat akan diterbitkan untuk pengetahuan awam.

Dalam pada itu katanya, kerajaan telah memperuntukkan RM44.2 juta untuk tahun 2011 dan 2012 bagi pelaksanaan banci ini.

Daripada jumlah itu, 80 peratus daripada peruntukan itu adalah untuk menggaji 1,807 pekerja sementara dan operasi lapangan. Jumlah ini adalah tambahan kepada 700 kakitangan tetap Jabatan Perangkaan Malaysia.

Sementara itu semua data akan diproses secara serentak dan laporan banci itu akan diedar kepada umum mulai Jun 2012.

Menurut Dr. Abdul Rahman, banci ekonomi tahun ini turut melibatkan sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Banci *baseline* pertama PKS telah dilaksana pada tahun 2006. Data daripada banci kali ini membolehkan Jabatan Perangkaan mengemas kini profil PKS, melihat perubahan PKS dalam tempoh lima tahun dan memudahkan pembuat polisi untuk menilai prestasi PKS tersebut.

Selain daripada itu, banci ekonomi 2011 juga akan digunakan untuk mengukur prestasi 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) di bawah Program Transformasi Ekonomi selain menjadi input kepada kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-10.

Sementara itu banci ekonomi ini turut mengandungi modul baru yang melibatkan penggunaan teknologi maklumat seperti komputer, laman web, e-dagang dan aktiviti atas talian, inovasi dan persekitaran.

Dr. Abdul Rahman juga memberitahu, antara cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan banci itu termasuk untuk mendapatkan kerjasama syarikat-syarikat memberi maklumat balas dalam masa yang ditempatkan dan untuk memastikan maklumat yang diberikan adalah tepat dan lengkap.

Sehingga kini katanya, pegawai-pegawai dari Jabatan Perangkaan telah mengunjungi kira-kira 70 peratus daripada syarikat-syarikat perniagaan terlibat dalam banci itu. Sehubungan itu, syarikat-syarikat yang belum melengkapkan borang kaji selidik diminta memberi jawapan kepada Jabatan Perangkaan selewat-lewatnya pada Disember 2011.


"Walaupun terdapat peruntukan di dalam Akta yang membolehkan penalti dikenakan kepada pihak-pihak yang enggan bekerjasama dalam bancian ini, namun begitu Jabatan Perangkaan Malaysia tidak pernah menggunakan peruntukan tersebut."

"Dalam proses demokrasi yang matang, data dan perangkaan dianggap sebagai barang untuk keperluan awam, maka itu semua syarikat perlu memberi kerjasama memberi data yang diperlukan dalam bancian ekonomi tersebut."

Menurutnya, Jabatan Perangkaan mendaati KDNK untuk tahun 2010 ialah RM766 bilion dan angka ini diguna untuk membandingkan saiz ekonomi Malaysia dengan negara-negara lain dan daripada itu pendapatan perseorangan atau per kapita juga dapat ditentukan," katanya.

Banci Ekonomi 2011

LIPUTAN



Syarikat Perniagaan
943,000

KDNK Per Kapita Mengikut Negeri bagi tahun 2006-2010 pada Harga Semasa - RM

Negeri	2006	2007	2008	2009	2010
1. Johor	16,181	18,726	19,930	18,458	20,911
2. Kedah	10,525	11,901	13,225	12,630	13,294
3. Kelantan	5,919	6,943	7,662	7,585	8,273
4. Melaka	20,472	22,174	24,619	22,761	24,697
5. Negeri Sembilan	22,757	23,704	26,803	23,600	27,485
6. Pahang	17,319	18,930	21,793	19,974	22,743
7. Pulau Pinang	29,748	31,039	33,257	29,569	33,456
8. Perak	12,521	14,010	15,599	14,769	16,088
9. Perlis	14,125	13,561	14,510	14,457	15,296
10. Selangor	23,377	25,481	28,544	27,609	31,363
11. Terengganu	15,241	17,284	19,194	16,994	19,225
12. Sabah	10,645	13,067	16,843	14,830	17,242
13. Sarawak	26,984	29,562	34,855	30,318	33,307
14. WP Kuala Lumpur	40,868	44,801	49,996	51,197	55,951
15. WP Labuan	24,498	27,759	27,421	27,084	29,116
KDNK Per Kapita pada Harga Semasa	21,411	23,617	26,902	24,366	27,113

Sumber: Jabatan Perangkaan



BEBERAPA pegawai dari Jabatan Perangkaan menemubual seorang peniaga dalam Operasi Banci Ekonomi 2011 yang bermula Mei lalu.